

**HIRARKI DESKRIPSI PEKERJAAN MENGIKUT PERSPEKTIF PELAJAR
TAHUN AKHIR DIPLOMA PERNIAGAAN ANTARABANGSA :
SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK SHAH ALAM**

WAN NOOR HANIM BINTI HAJI WAN TAHA

Kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

12 September 2001

ABAH dan MAK Tersayang.....

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala dorongan dan kasih sayang yang kalian curahkan selama ini. Berkat dan doa kalian akan membawa kejayaan kepada anakmu... Insya'Allah. Semoga Tuhan akan membalas segala pengorbanan kalian di dunia dan akhirat.

ABANG IS dan ANGAH....

Segala nasihat dan dorongan kalian menguatkan semangat adikmu ini untuk terus belajar. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas pengorbanan kalian... Terima Kasih yang tidak terhingga buat kalian berdua.

CHE AM...

Jadikanlah kejayaan kakakmu ini sebagai pendorong untuk terus belajar sehingga peringkat yang tertinggi....semoga dengan usahamu selama ini akan tercapai segala cita-cita.

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya maka saya dapat menyiapkan satu kajian kes mengenai hirarki deskripsi pekerjaan mengikut perspektif pelajar tahun akhir Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pembimbing saya iaitu En. Mohd Yusop B. Ab. Hadi serta En. Ahmad B. Esa sebagai penilai yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan kajian kes ini.

Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan Perdagangan Politeknik Shah Alam iaitu Encik Mohamad Bin Abu Hasan yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di politeknik tersebut, pihak pengurusan, pensyarah dan juga pelajar-pelajar semester akhir Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama dalam menghasilkan kajian kes ini. Kerjasama dari kalian amat saya hargai.

Terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang baik dan komitmen yang tinggi.


Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Pemilihan kerjaya merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan individu. Ia mestilah bersesuaian dengan minat serta bidang pengajian yang diceburi oleh seseorang pelajar sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi. Beberapa faktor perlulah diambil kira sebelum memilih sesuatu pekerjaan. Di antaranya ialah faktor prospek masa depan, gaji, lokasi, jawatan dan persekitaran tempat kerja. Kajian ini cuba mencungkil deskripsi pekerjaan yang menjadi keutamaan pelajar dalam memilih sesuatu kerjaya. Pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam merupakan populasi kajian ini. Kaji selidik merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk melihat apakah faktor yang diutamakan oleh pelajar-pelajar tersebut apabila memilih pekerjaan kelak. Dengan itu diharapkan kajian ini dapat digunakan sebagai sumber maklumat mengenai hirarki deskripsi pekerjaan mengikut perspektif pelajar-pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.

ABSTRACT

Life career is one of the highest contributions among the individuals. The career chosen is usually deemed from the aspect either the interest on doing it as a career or educational and expertise background. However, choosing the right career especially for the beginner is depends on the certain factor for example future prospect, good pay, location, designation and environment. In conjunction of the said matter, this survey may help others on scrutinize the early factor contribute of career choice especially among the graduate leaver. The sample of this survey focus to the Polytechnic Shah Alam's student especially to the final year of International Business's student. This sample and the trend of evaluation may lead us to know what's the factor considered by them before they joint the real exposure. With regardless of this survey, this result will be enhancing as reference and value information of the career choice hierarchy through the prospective of the Polytechnic Shah Alam's students.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
-----	---------	------------

	HALAMAN JUDUL	
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SIMBOL	xv

BAHAGIAN SATU

PENDAHULUAN

BABI	PENDAHULUAN	
------	-------------	--

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	2

1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Soalan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Kerangka Teori	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Skop Kajian	8
1.9	Definisi Tajuk Kajian	9
1.9.1	Definisi Konsep	9
1.9.1.1	Hirarki	9
1.9.1.2	Deskripsi	9
1.9.1.3	Pekerjaan	9
1.9.1.4	Perspektif	10
1.9.1.5	Pelajar	10
1.9.1.6	Kerjaya	10
1.9.1.7	Jurusan	10
1.9.2	Definisi Operasional	11
1.9.2.1	Perniagaan Antarabangsa	11

BAHAGIAN DUA
SOROTAN KAJIAN

BAB II **SOROTON KAJIAN**

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Kerja dan Pekerjaan	13
2.3	Kerjaya	14
2.4	Gaji	15
2.5	Persekitaran	16
2.6	Lokasi	17

2.7	Prospek Masa Depan	17
2.8	Jawatan	19
2.9	Jantina	20

BAHAGIAN TIGA METODOLOGI KAJIAN

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	22
3.3.1	Populasi	22
3.4	Instrumen Kajian	23
3.5	Pengumpulan Data	26
3.6	Prosedur Kajian	26
3.7	Analisis Data	27
3.8	Andaian	27
3.9	Limitasi	28

BAHAGIAN EMPAT DAPATAN KAJIAN

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	29
4.2	Analisis Bahagian A	29

4.2.1	Jantina	30
4.2.2	Bangsa	31
4.2.3	CGPA	32
4.3	Analisis Bahagian B	33
4.3.1	Analisis Pengetahuan Umum Responden Mengenai Pemilihan Kerjaya	33
4.3.1.1	Pengalaman Bekerja	34
4.3.1.2	Tempoh Pengalaman Bekerja	35
4.3.1.3	Bidang Kerjaya	36
4.3.1.4	Sektor Kerjaya	37
4.3.1.5	Lokasi Tempat Kerja	39
4.3.2	Deskripsi Pekerjaan Dari aspek Gaji, Jawatan, Lokasi, Persekitaran dan Prospek Masa Depan	40
4.3.2.1	Deskripsi Pekerjaan	40
4.3.2.2	Pandangan Responden Terhadap Deskripsi Pekerjaan	42

BAHAGIAN LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Kesimpulan	49
5.3	Cadangan	51
5.3.1	Saranan Kajian	51
5.3.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	53

BAHAGIAN ENAM
SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

BAB VI **SENARAI DOKUMEN RUJUKAN**

6.1	Senarai Dokumen Rujukan	54
-----	-------------------------	----

BAHAGIAN TUJUH
LAMPIRAN

BAB VII **LAMPIRAN**

7.1	Borang Soal Selidik	57
7.2	Hasil SPSS	63



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Skala Likert	25
4.1	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Jantina	30
4.2	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Bangsa	31
4.3	Jumlah Bilangan Responden Mengikut CGPA	32
4.4	Skor Min Bagi Tahap Kecenderungan	33
4.5	Pengalaman Bekerja Mengikut Jantina	34
4.6	Tempoh Pengalaman Bekerja	35
4.7	Pemilihan Bidang Kerjaya	36
4.8	Pemilihan Sektor Kerjaya	37
4.9	Pemilihan Lokasi Tempat Kerja	39
4.10	Deskripsi Pekerjaan Mengikut Keutamaan	40
4.11	Gaji Yang Tinggi Memberi Kepuasan	42
4.12	Taburan Peratus dan Min Gaji Sebagai Faktor Utama Dalam Memilih Kerjaya	43
4.13	Jawatan Melambangkan Kedudukan Dalam Sesebuah Syarikat	43
4.14	Mementingkan Jawatan Daripada Gaji Yang Di Terima	44
4.15	Memilih Pekerjaan Yang Menawarkan Jawatan Yang Tinggi	45
4.16	Persekitaran Tempat Kerja Mempengaruhi 'Mood'	45
4.17	Akan Bekerja Di Mana-mana Tempat Yang Ditawarkan	46

4.18	Suka Lokasi Tempat Kerja Yang Jauh Dari Bandar	47
4.19	Prospektif Pekerjaan Tidak Menjamin Pekerjaan Yang Lebih Baik	47
4.20	Mementingkan Syarikat Yang Mempunyai Prospek Masa Depan	48



SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	30
4.2	Peratus Responden Mengikut Bangsa	31
4.3	Peratus Responden Mengikut CGPA	32
4.4	Peratus Pengalaman Bekerja Mengikut Jantina	34
4.5	Peratusan Tempoh Pengalaman Bekerja	35
4.6	Peratusan Pemilihan Bidang Kerjaya	37
4.7	Peratusan Pemilihan Sektor Kerjaya	38
4.8	Peratusan Pemilihan Lokasi Tempat Kerja	39
4.9	Peratusan Deskripsi Pekerjaan Mengikut Keutamaan	41
4.10	Hirarki Deskripsi Pekerjaan Mengikut Keutamaan	50

SENARAI SIMBOL

SPSS	-	Statistical Package for Social Science Version 10.0
CGPA	-	Cumulative Gred Point Average
ST	-	Sangat Setuju
S	-	Setuju
KP	-	Kurang Pasti
TS	-	Tidak Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
Hlm	-	Halaman
Vol	-	Volume



PTITA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAHAGIAN SATU
PENDAHULUAN**



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kerjaya merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan manusia. Ia perlu diambil berat oleh setiap individu bagi menjamin masa depan. Memilih kerjaya yang bersesuaian dengan diri pelajar serta memenuhi citarasa pelajar itu sendiri bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan perancangan yang teliti dan teratur yang tidak boleh dibuat di saat pelajar itu terdesak untuk mencari dan memilih kerjaya. Pemilihan dan perancangan kerjaya sebenarnya adalah sebahagian dari proses perkembangan diri individu yang telah bermula sejak di peringkat awal kanak-kanak lagi. Ini menunjukkan bahawa proses kehidupan dan perancangan kerjaya berlaku seiring secara berterusan.

Jika dilihat di peringkat awal perkembangan pelajar, biasanya pelajar masih belum dapat membuat keputusan yang tepat tentang pemilihan kerjaya mereka. Menurut Khairani Bt Abd Hamid (2001), perubahan dari segi pemilihan kerjaya akan berterusan ke peringkat akhir remaja, awal dewasa, pertengahan dewasa sehinggalah individu itu mencapai tahap kepuasan kerjaya dalam dirinya barulah dia dapat menumpukan perhatian kepada sesuatu kerjaya yang tertentu.

Menurut Tolbert (1974) bahawa pendedahan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya adalah penting terutama di kalangan pelajar-pelajar kerana ia boleh menolong mereka menerokai bidang-bidang kerjaya yang sesuai baginya.

Oleh yang demikian, pelajar hendaklah memilih kerjaya dan membuat keputusan secara berhati-hati agar dapat membuat keputusan yang terbaik bagi diri pelajar. Terdapat juga di kalangan pelajar yang membuat keputusan tanpa berbincang serta mendapatkan bimbingan terlebih dahulu dari kedua ibu bapa dan kaunselor. Perbincangan adalah penting di mana ia dapat membantu pelajar dalam membuat keputusan. Pelajar haruslah berwaspada kerana keputusan yang dibuat dengan terburu-buru akan mendatangkan pelbagai masalah.

Di samping menentukan kerjaya, pelajar juga perlu sedar akan minat serta kecenderungan dirinya. Menurut Khairani Bt Abd Hamid (2001), minat serta kecenderungan merupakan salah satu faktor penentu dalam proses perancangan dan pemilihan kerjaya pelajar. Tanpa minat dalam sesuatu perkara sudah tentu pelajar tidak dapat memberi sepenuh perhatian dengan apa yang dilakukan dan diceburinya nanti.

Oleh itu pelajar perlulah memupuk minat ke arah bidang kerjaya yang mungkin menjadi pilihannya. Ia juga perlulah bersesuaian dengan bidang yang diceburi ketika di pusat pengajian tinggi agar ia selari dan memberi kepuasan dalam diri pelajar. Pelajar juga perlulah melihat hirarki deskripsi pekerjaan yang perlu diutamakan. Ada segelintir pelajar yang meletakkan jawatan sebagai tahap tertinggi dalam sesebuah hirarki. Bagi mereka status atau jawatan akan melambangkan kedudukan mereka.

1.2 Latar belakang Masalah

Seorang professional dalam sesuatu bidang kerjaya memanglah merupakan idaman setiap pelajar di dalam masyarakat yang terbuka dan demokratik. Setelah menghabiskan masa bertahun-tahun lamanya memerah otak, semestinya setiap individu mahu memiliki kerjaya sendiri. Namun begitu, ramai di kalangan pelajar yang memilih kerjaya tanpa merancang terlebih dahulu.

Menurut Khairani Bt Abd. Hamid (2001), terdapat segelintir pelajar yang tidak melihat faktor-faktor seperti persekitaran tempat kerja dan lokasi sedangkan faktor ini adalah penting dalam peringkat awal pemilihan kerjaya. Masalah yang akan timbul

nanti ialah persekitaran yang tidak sesuai serta jauh dari rumah. Biasanya masalah ini mula disedari setelah pelajar mula bekerja dalam organisasi tersebut. Oleh kerana itu, pelajar seharusnya membuat perancangan terlebih dahulu supaya mereka tidak menghadapi masalah pada masa akan datang. Masalah yang timbul semasa perkembangan pemilihan kerjaya seseorang dalam zaman remaja ialah proses membuat keputusan dan penyelesaian masalah (Sreblus, 1982).

Ada juga di antara pelajar-pelajar yang memilih sesuatu kerjaya tersebut hanya sebagai batu loncatan semata-mata untuk mendapatkan pengalaman sebelum mendapat kerja lain yang lebih lumayan. Setelah menyedari betapa pentingnya gaji dan jawatan, mereka akan menjadikan faktor ini sebagai satu masalah atau alasan untuk mencari pekerjaan lain. Mereka merasakan bahawa gaji yang diberikan adalah tidak setimpal dengan kerja yang mereka lakukan dan jawatan yang disandang sekarang tidak sesuai dengan kelayakan yang mereka miliki. Apabila tiba ke satu tahap, mereka akan rasa terbeban dengan masalah-masalah ini. Maka, sudah tiba masanya untuk mereka melakukan perubahan.

Walau bagaimanapun ada juga di kalangan pelajar-pelajar yang melihat aspek persekitaran, lokasi, gaji, jawatan dan prospek masa depan sebagai faktor utama di awal pemilihan kerjaya. Ini bergantung kepada sejauhmana pelajar tersebut memilih kerja yang sesuai dengan diri mereka. Menurut Halim Abbasiah (1995), suatu kajian telah dijalankan oleh seorang ahli psikologi di Universiti London yang boleh membantu seseorang mengetahui skop kerjaya yang sesuai diceburi berdasarkan kepada sifat dan kelakuannya sendiri. Biasanya pelajar-pelajar seperti ini kurang menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya kerana telah membuat perancangan terlebih dahulu.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, persoalan yang menarik perhatian pengkaji ialah deskripsi pekerjaan yang menjadi pilihan utama pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam. Setiap pelajar mempunyai minat dan juga objektif tertentu dalam memilih pekerjaan. Kebanyakan pelajar-pelajar yang akan menamatkan pengajian

mereka di politeknik tidak tahu apakah aspek yang perlu diutamakan dan diletakkan pada tahap yang paling tinggi dalam sesebuah hirarki. Ini merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh pelajar. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji hirarki deskripsi pekerjaan dari perspektif pelajar itu sendiri. Melalui kajian ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan mengenai hirarki deskripsi pekerjaan dalam pemilihan kerjaya bagi pelajar-pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa.

Didapati ramai pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam tidak mengetahui deskripsi pekerjaan yang harus dilihat dalam memilih sesuatu pekerjaan selepas tamat pengajian. Ini mungkin disebabkan mereka kurang terdedah dengan persekitaran dan juga perkembangan kerjaya yang berkaitan dengan bidang yang mereka ceburi. Di samping itu juga mereka merasakan bahawa bidang kerjaya adalah kurang penting kerana bagi mereka apa saja kerja yang mereka miliki sudah mencukupi untuk menyara hidup mereka. Sedangkan mereka tidak tahu kepuasan yang akan mereka miliki jika memilih kerjaya yang sesuai dengan bidang yang diceburi sewaktu di pusat pengajian tinggi. Oleh sebab itu, pelajar haruslah selarikan bidang yang diceburi semasa di politeknik dengan bidang kerjaya yang akan dipilih nanti.

Sebagai kesimpulannya, deskripsi pekerjaan di atas telah menarik minat dan perhatian pengkaji untuk mengkaji apakah hirarki deskripsi pekerjaan mengikut perspektif pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.

1.4 Soalan kajian

Kajian ini dibuat bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan seperti berikut:

- a. Apakah bidang kerjaya yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam?
- b. Apakah jenis sektor pekerjaan yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam?

- c. Apakah lokasi tempat kerja yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam?
- d. Apakah hirarki dalam deskripsi pekerjaan yang dipilih oleh pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam ?
- e. Apakah pandangan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa terhadap deskripsi pekerjaan dalam memilih sesuatu pekerjaan?
- f. Adakah terdapat perbezaan dalam pemilihan hirarki deskripsi mengikut perspektif pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam mengikut jantina, keturunan dan pencapaian akademik mengikut purata mata keseluruhan (CGPA).

1.5 Objektif kajian


Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana pelajar-pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa yang mengikuti pengajian di Politeknik Shah Alam mengetahui hirarki deskripsi pekerjaan dalam pemilihan kerjaya di sesebuah organisasi.

Objektif kajian yang dijalankan adalah :

- a. Untuk mengetahui bidang pekerjaan yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.
- b. Untuk melihat sektor pekerjaan yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.
- c. Untuk mengetahui lokasi tempat kerja yang menjadi pilihan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.

- d. Untuk melihat hirarki deskripsi pekerjaan yang dipilih oleh pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam.
- e. Untuk melihat pandangan pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa terhadap deskripsi pekerjaan dalam memilih sesuatu pekerjaan.
- f. Untuk mengetahui hirarki deskripsi pekerjaan mengikut perspektif pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam mengikut jantina, keturunan dan pencapaian akademik mengikut purata mata keseluruhan (CGPA).

1.6 Kerangka teori



Kerangka teori di atas menunjukkan kaitan di antara pelajar dan juga deskripsi pekerjaan yang perlu dilihat oleh pelajar dalam memilih kerjaya setelah tamat pengajian. Deskripsi pekerjaan yang dikaji oleh pengkaji adalah persekitaran, lokasi, gaji, jawatan dan prospek masa depan. Dalam kerangka teori ini, deskripsi pekerjaan tersebut merupakan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar.

Untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai serta memberi kepuasan kepada diri pelajar, deskripsi pekerjaan seperti di atas perlu dilihat sama ada ia mempengaruhi pelajar-pelajar dalam memilih sesuatu pekerjaan atau tidak. Deskripsi pekerjaan ini biasanya dilihat oleh pelajar di awal pemilihan kerjaya. Ini adalah kerana untuk mengelakkan timbulnya masalah setelah menerima sesuatu pekerjaan tersebut.

Menurut Maimunah Aminuddin (1992), lokasi, gaji, jawatan (*job title*), persekitaran dan prospek masa depan adalah di antara deskripsi pekerjaan yang berkaitan dengan pemilihan dan juga pengambilan kerja. Deskripsi pekerjaan ini juga membantu pelajar dalam mengenalpasti tugas utama dan tanggungjawab.

Menurut Keyo Sukarya (2000), faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerja dan juga kesetiaan pekerja dalam sesebuah syarikat juga termasuklah faktor persekitaran dan suasana kerja, lokasi, gaji, jawatan yang disandang serta prospek masa depan dan peluang untuk meningkatkan karier. Ini menunjukkan bahawa kerangka teori yang dihasilkan adalah disokong dan bertepatan di mana pembolehubah-pembolehubah di atas mempengaruhi seseorang pelajar itu dalam memilih sesuatu pekerjaan serta melihat deskripsi manakah yang paling tinggi dalam sesebuah hirarki.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini kerana pemilihan deskripsi pekerjaan adalah penting dan berkait rapat dengan masa depan pelajar. Oleh itu pelajar harus tahu apakah hirarki deskripsi pekerjaan yang harus dilihat sebelum memilih sesuatu kerjaya itu supaya ia bersesuaian dengan keperluan pelajar dan negara.

Kajian berkenaan hirarki pekerjaan ini juga penting kerana:

- a. Hasil akhir kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pensyarah-pensyarah bagi menentukan apakah hirarki deskripsi pekerjaan yang perlu dilihat oleh pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa apabila tamat pengajian nanti.
- b. Hasil akhir kajian dapat digunakan oleh pensyarah Perniagaan Antarabangsa dalam penyediaan kurikulum serta mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kerjaya pelajar.
- c. Hasil akhir kajian ini dapat memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar Perniagaan Antarabangsa untuk melihat hirarki deskripsi pekerjaan yang berkaitan dengan bidang kursus mereka.
- d. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan kepada pelajar dan pihak organisasi yang tertentu sebagai panduan dan tindakan selanjutnya.
- e. Hasil kajian ini nanti dapat membantu pihak yang terlibat seperti kaunselor, guru dan pelajar di dalam mengenalpasti hirarki deskripsi pekerjaan yang mempengaruhi pemilihan kerjaya.

1.8 Skop kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan deskripsi pekerjaan yang harus dilihat oleh pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya selepas tamat pengajian. Kajian ini adalah untuk mengetahui hirarki pekerjaan mengikut perspektif pelajar Diploma Perniagaan Antarabangsa yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Deskripsi pekerjaan yang dikaji dalam kajian ini adalah berkenaan dengan persekitaran dan suasana tempat kerja, lokasi, gaji, jawatan dan prospek masa depan yang mempengaruhi pemilihan sesuatu kerjaya (Maimunah Aminuddin, 1992).

Kajian ini juga terbatas kepada pelajar tahun akhir jurusan Perniagaan Antarabangsa di Politeknik Shah Alam. Ia juga terbatas kepada 67 orang populasi sahaja.

1.9 Definisi Tajuk Kajian

Tajuk kajian di dalam tinjauan ini didefinisikan berdasarkan kepada dua jenis definisi iaitu :

1.9.1 Definisi Konsep

1.9.1.1 Hirarki

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1989), **hirarki** didefinisikan sebagai susunan atau kedudukan tinggi rendah (dalam organisasi, masyarakat dan sebagainya) berdasarkan taraf atau kekuasaan.

1.9.1.2 Deskripsi

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1989), **deskripsi** didefinisikan sebagai penghuraian atau penceritaan.

1.9.1.3 Pekerjaan

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1989), **pekerjaan** boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang dikerjakan (dilakukan, diperbuat) atau perbuatan.

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

- Abdul Aziz Ismail (1998). "*Motivasi Remaja Cemerlang, Menyemai Keyakinan Diri Untuk Berjaya*". Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers. Hlm 153–163.
- Anassuwandi Hj. Ahmad (), "*Budaya Kerja seseorang*". Retrieved 14 Februari 2001 on the World Wide Web:<http://www.ithho.utm.my/ipk/falsafahelk/elk4.html>
- Bogie, D.W. (1976). "*Occupational Aspiration-Expectation Among High Schools Seniors*". Vocational Guidance Quarterly Vol. 29 . Hlm 213-220.
- Charles P. Chen (1998). "*Understanding Career Development : a convergence of perspectives*". Journal of Vocational Education and Training, Vol.50,No.3.Hlm 437 – 461.
- Charles P. Chen (1997). "*Career Projection:narrative in context*". Journal of Vocational Education and Training, Vol.49, No.2. Hlm 311 – 328.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1989). "*Kamus Dewan*". Edisi 4. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan.
- Fong Chan Onn, Y.B. Datuk Dr. (2000), "*Ucapan Di Majlis Perasmian Bengkel Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti*". Retrieved 13 Mac 2001 on the World Wide Web:<http://www.jaring.my/ksm/bmver/spm42.htm>
- Furnhem, A. & Stacy, B. (1991). "*Young People's Understanding Of Society*". London & New York : Routledge. Hlm 56-82.

- Halim Abbasiyah (1995). *"Mengurus Diri & Kerjaya Anda"*. Kelantan : Al Kafilah Interprise. Hlm 75 – 86.
- Jaafar Bin Ahmad (1999), *"Change and Train"*. Retrieved 13 Mac 2001 on theWorldWide Web:<http://dls.intan.my/wwwboard/messages/48.html>.
- Kamalsyah & Chek Mat (1998). *"Psikologi: Motivasi Peribadi Anda Kerjaya Anda"*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Penerbitan Saiful Azanis. Hlm 140 – 155.
- Keyo Sukarya (2000), *"Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesetiaan Pekerja"*. Retrieved 13 Febuari 2001 on the World Wide Web:<http://www.bapjabar.go.id/bappeda/warta/April-Jun2000/faktor-faktor.htm>.
- Keotsvavt Landell (1997). *"Management By Menu"*. London : Wiley & Sons Inco. Hlm 80-82.
- Khairani Bt Abd Hamid (), *"Perancangan Kerjaya Di Kalangan Remaja"*. Retrieved 14 Januari 2001 on the World Wide Web:<http://www.islam.gov.my/terbitan/cahaya/kerjaya.html>.
- LC Hunter & C Mulvey (1981). 2nd Edition. London. *"Methods of Wage and Salary Payment"* :The Macmillan Press. Hlm 278 – 293.
- Lawrence, W. & Brown, D. (1976). *"An Investigation of Intelligence, Self-Concept, Socio Economic, Race and Sex As Predictors Of Career Maternity"*. Journal of Vocational Behavior Vol. 9. Hlm 43-51.
- Maimunah Bt. Aminuddin (1992). *"Human Resources Management"*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hlm 23.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar, PM Dr. (1999). *"Penyelidikan Pendidikan"*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.